

24 MAR 1998

Mahathir-Kongres

TIADA CADANGAN ADAKAN KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera setelah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Namum begitu, saya ingin menjelaskan di sini ini bahawa kerajaan tetap akan menentukan kepentingan Bumiputera terus diperjuang dan dipertahankan," katanya semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata langkah untuk meneruskan program pengurangan kemiskinan, perkembangan industri kecil dan sederhana serta pendidikan yang banyak melibatkan Bumiputera, adalah bukti komitmen kerajaan dalam hal ini.

"Namun begitu, sebagai kerajaan yang pragmatis, kita juga sedar dan peka kepada hakikat bahawa program-program bagi membantu kaum Bumiputera sangat memerlukan perkembangan ekonomi yang pesat," katanya.

Oleh itu, katanya, kerajaan perlu mengambil langkah bagi mempercepatkan perkembangan ekonomi negara walaupun ia boleh kelihatan sebagai merugikan Bumiputera dalam jangka pendek.

Perkara itu perlu dilihat juga dalam konteks jangka panjang yang manfaatnya akan diperolehi Bumiputera apabila perkembangan ekonomi menjadi lebih pesat, katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa MTEN yang diwujudkan untuk membantu Kerajaan menangani dan mengawasi masalah ekonomi negara, akan terus wujud sehingga ekonomi pulih semula sepenuhnya.

Buat masa ini, katanya, terdapat perubahan positif dalam keadaan ekonomi negara dengan tanda-tanda bahawa ekonomi negara telah mula menjadi lebih kukuh dan stabil.

"Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur dan nilai tukaran asing ringgit bukan sahaja sudah menjadi lebih tinggi, tetapi juga tidak lagi turun naik sangat seperti keadaan pada akhir tahun lalu," katanya.

Mengenai pertanyaan sama ada kerajaan bercadang untuk memotong gaji menteri, timbalan menteri dan setiuasaha parlimen sehingga 30 hingga 50 peratus, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mempunyai rancangan sedemikian.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk memotong gaji pegawai tinggi korporat. "Keputusan tentang perkara itu adalah terpulang kepada tuan punya syarikat berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

JR OS NMO